



SETIAUSAHA KERAJAAN,  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,  
TINGKAT 19,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503 SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)  
: 03-5544 7043  
: 03-5544 7045  
Fax : 03-5510 3062

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : IPK.Sel. Pent.

Tarikh : 100-10/4/2( 7 )  
// Syawal 1435H  
7 Ogos 2014

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah  
Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha,  
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan,

#### **SURAT HEBAHAN SUK BIL. 7 TAHUN 2014**

#### **PENGHARAMAN HIDANGAN SUP SIRIP IKAN YU DALAM JAMUAN RASMI KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat yang saya terima daripada Pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia bertarikh 16 Julai 2014 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian akan para 1 hingga 4** surat berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

**"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"**

**"TERBAIK DARIPADA KAMI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)**  
**D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.**



KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA  
ARAS 15, WISMA TANI  
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62624 PUTRAJAYA, MALAYSIA

SECRETARY GENERAL  
Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry Malaysia



Tel : 603-8888 6637 / 8870 1014  
Fax : 603-8888 0181  
E-mail : [arif@moa.gov.my](mailto:arif@moa.gov.my)



Ruj. Kami : KP/ITTP/R/4/216/2 Jld. 24 (14)  
Tarikh : 16 Julai 2014

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN I

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MURAWI  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

## PENGHARAMAN HIDANGAN SUP SIRIP IKAN YU DALAM JAMUAN RASMI KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 21 Mei 2014 yang lalu telah bersetuju dengan cadangan Kementerian ini supaya sup sirip ikan yu tidak dihidangkan dalam semua jamuan rasmi Kerajaan. Pelaksanaan cadangan ini dapat menyokong usaha pemuliharaan biodiversiti marin dan penggunaan sumbernya secara mapan untuk generasi akan datang serta membuktikan komitmen dan tanggungjawab Kerajaan terhadap konservasi ikan yu di persada antarabangsa. Pada masa yang sama, langkah ini dapat menangani laporan-laporan negatif berhubung penangkapan ikan yu di Malaysia serta mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.

3. Sehubungan dengan itu, sukacita kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan adalah dipohon agar sup sirip ikan yu tidak dihidangkan dalam semua jamuan rasmi anjuran pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/Puan bagi menyokong usaha pemuliharaan dan konservasi ikan yu di negara ini.

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH"**

Saya yang menurut perintah, 

( DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN )

**Salinan Kepada:**

SUSK YB. Menteri

SUB (KP)

Ketua Pengarah  
Jabatan Perikanan Malaysia  
Aras 1-6, Wisma Tani,  
No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,  
**62628 PUTRAJAYA**